

KESUMBA Anjur Kempen Keahlian, Tawar Cincin Emas

Published: Friday, 05 June 2015 15:49 | [Print](#) | Hits: 825

Share 0

Recommend Share 0

Tweet

Share G+ Share 0



JUMAAT, 05 JUN - Kelab Surirumah dan Staf Wanita Universiti Malaysia Sabah (KESUMBA) sedang menganjurkan kempen ‘Ahli Mencari Ahli’ bagi meningkatkan jumlah keahlian kelab tersebut.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan KESUMBA, kempen tersebut juga turut menawarkan hadiah khas berupa sebentuk cincin emas bagi ahli sedia ada yang berjaya merekrut sekurang-kurangnya sepuluh ahli baharu.

Kenyataan itu turut menambah, kempen tersebut terbuka kepada semua ahli KESUMBA, namun ianya tidak layak disertai oleh Exco Tertinggi kelab tersebut.

Manakala Keahlian baharu adalah terbuka kepada kakitangan wanita UMS dan isteri kepada kakitangan lelaki UMS sahaja.

Borang permohonan keahlian ahli baru boleh dihantar kepada Setiausaha Kehormat KESUMA, Cik Norti Sirin.

Tarikh tutup penyertaan adalah pada 12 Jun 2015. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada Biro Penerangan dan Perhubungan KESUMBA, Hayati Salleh Baihaki ditalian 0146502897. -ZMD

Bahagian Media dan Citra